

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK DR. HJ ABD. LATIFF BIN HJ AHMAD

TARIKH : 27 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Datuk Dr. Hj Abd. Latiff Bin Hj Ahmad [Mersing] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Malaysia sebuah Negara maritim yang kaya dengan sumber asli. Semenjak lima tahun yang lalu, berapakah jumlah kes rompakan terhadap pelantar minyak di perairan kita. Apakah langkah-langkah keselamatan yang dilakukan bagi melindungi pelantar minyak berkenaan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pelantar minyak dikategorikan sebagai sasaran penting dan radius 500 meter sekeliling pelantar minyak merupakan kawasan larangan bagi vesel yang tidak berkaitan.

Keselamatan pelantar minyak adalah antara fokus utama keselamatan bagi APMM. Agensi ini sentiasa berhubung rapat dan bekerjasama dengan Petronas dan Angkatan Tentera Malaysia bagi menentukan keselamatan pelantar minyak sentiasa terjaga.

Kapal-kapal APMM sentiasa ditugaskan panjang masa bagi meronda di kawasan-kawasan pelantar minyak serta sentiasa berhubung dengan krew pelantar minyak melalui saluran komunikasi radio bagi mendapatkan maklumat dan laporan sekiranya ada sebarang aktiviti pelanggaran undang-undang oleh mana-mana pihak termasuk nelayan asing.

Dalam masa yang sama, pesawat udara APMM juga sentiasa ditugaskan bagi membuat pemantauan udara di kawasan pelantar minyak negara. Buat masa ini APMM dan Petronas sedang merancang supaya maklumat dan data pengesanan radar di pelantar-pelantar minyak di Sabah dan Sarawak dikongsi secara terus (*real time*) ke Pusat Operasi Maritim (POMAR) Putrajaya untuk pemerintahan dan pengawasan secara berterusan bagi tindakan aset di lapangan.

APMM juga sentiasa bertindak pantas ke atas aduan-aduan yang dibuat oleh krew pelantar minyak terhadap nelayan asing yang menceroboh perairan Negara.

Sekian. Terima kasih.